

12/11/2001

Visa: PM sedih Amerika terus sasar negara Islam

Zulkofli Jamaludin

PUTRAJAYA, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedih dengan langkah Amerika Syarikat yang semakin memberi tumpuan kepada umat Islam dan negara Islam dalam tindakannya memerangi pengganas.

Perdana Menteri menyifatkan keadaan itu sebagai amat malang kerana sekarang ini umum mengetahui bahawa pengganas juga terdiri daripada orang bukan Islam dan sasaran mereka pula bukan Amerika.

"Nampak makin lama, tumpuan ialah kepada umat Islam dan negara Islam. Ini menyedihkan sedikit kerana kita tahu sekarang inipun ada pengganas yang bukan Islam.

"Kita juga tahu letupan (bangunan Persekutuan Amerika) di Oklahoma yang membunuh ramai orang dilakukan oleh orang bukan Islam," katanya selepas menyertai kejohanan Menunggang Lasak Antarabangsa anjuran Polis Diraja Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad (TNB), di sini hari ini.

Dalam kejadian pada April 1995 itu, seorang pengganas Amerika, Timothy Mc Veigh meletupkan bom dari sebuah kereta dan membunuh 168 orang, tindakan keganasan paling teruk dilakukan oleh rakyat negara itu sendiri.

Beliau diminta mengulas langkah Jabatan Negara Amerika mengetatkan peraturan pengeluaran visa kepada pengunjung lelaki dari 25 negara Islam, termasuk Malaysia mulai minggu depan.

Bagaimanapun, beliau berharap tindakan itu hanyalah langkah sementara yang diambil Amerika.

Selain Malaysia, negara yang terbabit dengan peraturan baru itu ialah Afghanistan, Algeria, Bahrain, Djibouti, Mesir, Eritrea, Indonesia, Iran, Iraq, Jordan, Kuwait, Lubnan, Libya, Maghribi, Oman, Pakistan, Qatar, Arab Saudi, Somalia, Sudan, Syria, Tunisia, Emirayah Arab Bersatu (UAE) dan Yaman.

Permohonan visa lelaki berusia 16 hingga 45 tahun akan diperiksa menerusi pangkalan data Biro Siasatan Persekutuan (FBI) di Washington dan agensi itu diberi masa 20 hari untuk memberi jawapan sebelum Jabatan Negara memproses permohonan itu.

Setiausaha Negara, Colin Powell, dilaporkan berkata langkah memeriksa mereka yang mahu ke Amerika adalah sementara dan bukannya bertujuan menutup Amerika dari dunia luar.

Sementara itu di Singapura, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menyifatkan tindakan Amerika Syarikat itu sebagai satu diskriminasi daripada semua aspek.

Katanya, dengan peraturan itu, kempen Amerika Syarikat yang bertemakan mereka tidak anti-Islam dalam memerangi kegiatan pengganas tidak akan berjaya.

"Itu adalah satu peraturan yang berupa diskriminasi daripada semua aspek," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang di sini sebelum pulang ke Malaysia selepas mengadakan lawatan sehari ke republik ini.

Beliau menganggap sebagai "rambang dan liar" andaian oleh Amerika Syarikat bahawa umat Islam lelaki dalam lingkungan umur 16 hingga 45 tahun yang datang dari negara-negara Islam berkenaan berkemungkinan menjadi pengganas.

"Ini tentu sekali tidak akan dapat diterima oleh negara yang telahpun disenaraikan," kata Abdullah.

Abdullah berkata, peraturan yang dipetik oleh agensi berita sebagai dinyatakan oleh Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Collin Powell, itu perlu memberikan pengecualian kerana banyak juga diplomat, ahli perniagaan

dan pelajar dalam lingkungan umur berkenaan yang akan ke Amerika Syarikat.
Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia berharap akan mendapat maklumat lanjut mengenai perkara itu.

(END)